

Daun ketum satu tan dalam kebun getah

20 Mei 2022

Daun ketum satu tan dalam kebun getah

Padang Besar: Lebih satu tan daun ketum untuk diseludup ke Thailand ditemukan disembunyikan sindiket penyeludupan dalam kebun getah di Wang Kelian di sini, kelmarin.

Penemuan itu dibuat Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara dari Batalion 18 Pengkalan Hulu, Perak pada jam 3 pagi dalam rondaan Op Wawasan Kedah/Perlis 2022.

Pegawai Pemerintah Batalion 18 PGA Briged Utara, Superintendan Ramli Wan Salin berkata, anggota rondaan menjumpai longgokan guni yang diletakkan dalam kebun getah berkenaan.

Katanya, selepas diteliti ternyata guni berkenaan berisi daun ketum yang kita percaya cuba diseludup ke Thailand menggunakan lauan tikus.

"Anggota kita kemudian menunggu lebih satu jam untuk membuat pemerhatian pemilik guni itu namun tiada siapa yang tampil atau menghampiri tempat berkenaan dan pemeriksaan selanjutnya mendapati longgokan guni daun ketum itu adalah seberat 1,015 kilogram dengan nilai dianggarkan RM30,450," katanya dalam sidang media di kuarters sementara PGA di Padang Besar di sini, semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati kebun getah itu

dijadikan transit sebelum daun ketum diedarkan ke Thailand memandangkan jarak antara lokasi terbit dengan negara jiran itu kurang lima kilometer.

"Anggota sindiket atau dipanggil kader yang diupah ini akan masuk dari Thailand dan membawa bebanan daun ketum ini dengan mengalas sendiri guni sambil berjalan keluar menuju ke lokasi pagar sempadan Malaysia-Thailand yang sudah ditetapkan sindiket.

"Berdasarkan keadaan daun ketum ini, kita percaya ia baru saja diletakkan di kawasan itu beberapa jam sebelum itu," katanya.

Beliau berkata, sejak 5 Mei hingga semalam, pihaknya merekodkan lima kes rampasan daun ketum yang mana kebanyakan kes tertumpu di hotspot penyeludupan di Chuping dan Padang Besar.

"Rampasan daun ketum secara keseluruhan di Perlis yang berjaya dilakukan oleh kami adalah sebanyak 1,375 kg dengan nilai rampasan berjumlah RM41,250 dan daripada jumlah itu, 360 kg saja adalah rampasan di lokasi hotspot Chuping dan Padang Besar yang melibatkan rampasan bernilai sekitar RM10,800.

"Semua kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya.



RAMLI (kanan) menunjukkan daun ketum yang dijumpai anggotanya ketika meronda dalam satu kebun getah di Kampung Wang Kelian, Padang Besar.